

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [ BUKIT MERTAJAM ]**

**TARIKH : 19 OKTOBER 2016**

**RUJUKAN : 9295**

**SOALAN :**

**Tuan Sim Chee Keong [ Bukit Mertajam ]** minta **Menteri Dalam Negeri** menyatakan statistik warga asing yang diberi kewarganegaraan Malaysia dari tahun 2008-2016 mengikut pecahan negara asal, gender, agama, umur, pekerjaan dan kurungan pendapatan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia semenjak tahun 2008 sehingga September 2016 adalah 49,361 orang. Daripada jumlah tersebut, permohonan tertinggi diterima daripada pemohon yang berasal daripada negara Indonesia, India dan Kemboja. Sebanyak 16,700 permohonan diterima daripada pemohon lelaki dan 32,661 permohonan daripada pemohon perempuan, manakala perincian mengikut umur adalah seperti berikut:-**

<b>Umur (Tahun)</b>	<b>Jumlah (Orang)</b>
<b>Bawah 21</b>	<b>6</b>
<b>21 ke atas</b>	<b>49,355</b>

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPN tidak menyimpan maklumat pekerjaan dan pendapatan seseorang individu untuk semua urusan permohonan dokumen pengenalan diri.**